

**SOALAN NO. 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL  
ISKANDAR BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ] minta PERDANA MENTERI menyatakan susulan pengumuman Kerajaan untuk mengkaji pemansuhan hukuman mati mandatori bagi kesalahan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, adakah Kerajaan bercadang untuk secara automatik menukar hukuman gantung semua banduan ke hukuman penjara seumur hidup termasuk hukuman penjara sepanjang hayat.**

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Kajian ini merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya. Kajian ini dibuat dengan mengambil kira semua peruntukan undang-undang yang sedia ada di negara ini dan kajian perbandingan dengan peruntukan undang-undang daripada negara lain. Keputusan berhubung pelaksanaan hukuman mati di negara ini, sama ada akan dimansuhkan atau diteruskan, merupakan perkara dasar yang akan diputuskan oleh Kerajaan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.